

Jadikan Malaysia nombor satu -PM

28 DEC 1993

KUALA LUMPUR 27 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahukan seluruh tenaga, pemikiran, strategi baru serta pengorbanan harus ditumpukan ke arah menjadikan Malaysia negara nombor satu dalam semua bidang.

Dr. Mahathir berkata, cita-cita tersebut bukanlah suatu utopia, propaganda atau sorak-sorai budaya kualiti sahaja tetapi satu realiti untuk mengangkat martabat bangsa Malaysia.

"Hanya bangsa yang berjiwa besar sahaja boleh menangani persoalan abad ke-21 dengan jayanya," katanya dalam ka-

ta-kata⁴aluan Buku Cenderamata Majlis Anugerah Kualiti Perdana Menteri 1993.

Dr. Mahathir turut menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang anugerah pada majlis tersebut.

Selain itu kata beliau, kekuatan ekonomi, ketenteraan dan teknologi canggih juga akan menentukan kedudukan negara dalam hubungan global.

Beliau berkata, negara kini sedang melangkah ke abad ke-21 yang penuh dengan cabaran, persaingan dan kemungkinan baru.

Bagi tujuan itu, kata Dr. Mahathir setiap lapisan pekerja di sektor awam, swasta dan sosial wajar

mengamalkan nilai-nilai budaya kerja cemerlang bagi menghasilkan input, proses, output dan hasil berkualiti tinggi.

Katanya, perjuangan tersebut merupakan perjuangan berterusan dalam menghadapi revolusi kualiti dewasa ini.

"Perkhidmatan berkualiti bukanlah suatu warisan sesuatu bangsa, tetapi merupakan kreativiti, penciptaan, pemikiran dan hasil pengorbanan semua pihak," tambah beliau lagi.

Pada majlis tersebut tiga agensi yang mewakili sektor awam, swasta dan sosial diisytiharkan sebagai pemenang anugerah tersebut yang disifatkan

sebagai anugerah tertinggi negara.

Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) dipilih bagi kategori sektor awam manakala SGS-Thompson Microelectronic Sdn. Bhd pula memenangi kategori swasta manakala Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad pula bagi kategori sektor sosial.

Kesemua pemenang menerima trofi Anugerah Kualiti Perdana Menteri, wang tunai RM30,000, sijil penghargaan serta kebenaran menggunakan lambang 'Q' selama tiga tahun bagi sesuatu produk.